

24 Januari 2019 – New Straits Times PUTRAJAYA: Pembayaran fasa pertama Bantuan Sara Hidup (BSH) pada 28 Januari ini dibuat mengikut pangkalan data dan kaedah lama.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan terpaksa menggunakan pangkalan data lama yang kemungkinan besar mengandungi nama penerima tidak layak, bagi membolehkan bayaran dibuat sebelum Februari.

“Proses pemutihan bagi mengeluarkan nama penerima tidak layak kerana bukan daripada golongan B40 memerlukan masa panjang untuk dilaksanakan.

“Selepas pangkalan data dikemas kini, baki bayaran BSH pada fasa kedua dan ketiga akan menggunakan kaedah bahar seperti diumumkan dalam Belanjawan 2019,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Guan Eng berkata, proses kemas kini data perlu dilaksanakan untuk pembayaran BSH fasa kedua dan ketiga, selaras penambahbaikan program BSH secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah.

“Kriteria pembayaran dan kaedah baharu akan diumumkan dalam jangka masa terdekat,” katanya.

Selain itu katanya, atas keprihatinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pembayaran BSH 2019 dijangka akan memanfaatkan sehingga 4.1 juta isi rumah menerusi pembayaran fasa pertama sebanyak RM300 bagi setiap isi rumah.

“Ini membabitkan peruntukan berjumlah RM1.2 bilion dan bayaran dimasukkan terus ke dalam akaun bank mereka,” katanya.

Seperti diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2019, Guan Eng berkata, kerajaan meneruskan program BSH untuk menjamin kesejahteraan ekonomi rakyat dengan membantu golongan B40 meringankan kos sara hidup mereka.
